

# CARTA ALIR PEMERIKSAAN ULANGAN JENTERA BAGI PEMBAHARUAN SIJIL PERAKUAN KELAYAKAN JENTERA (CF) UMT

**Tafsiran Am:** Jentera ertinya apa-apa peralatan atau perkakasan dari jenis dandang stim, bejana atau pengandung tekanan tak berapi, mesin angkat, bejana atau pengandung tekanan berapi, pengerak utama, silinder gas, bekas gas, takal, jentera penghantaran, jentera yang dipacu, dan apa-apa peralatan atau perkakasan menuang, memotong, mengimpal dan memendapkan logam secara urai-elektrik dan apa-apa peralatan atau perkakasan penyemburan dengan cara tekanan gas atau udara bagi logam atau bahan-bahan yang lain.

## PERMOHONAN DARIPADA PTJ

PIC di PTJ membuat permohonan pembaharuan CF kepada Sekretariat JKKP UMT.

*Hanya tertakluk kepada jentera yang aktif, berfungsi, dalam keadaan baik dan akan luput tarikh atau tamat tempoh sah CF sekurang-kurangnya sebulan.*

## PEMERIKSAAN OLEH JKKP MALAYSIA (TERENGGANU)

Pihak JKKP Malaysia (Terengganu) memeriksa jentera diiringi wakil Sekretariat JKKP UMT

## TINDAKAN PTJ

PIC di PTJ hendaklah memaparkan sijil perakuan kelayakan (CF) pada setiap jentera.

01

02

03

04

05

06

## PEMERIKSAAN JENTERA

Pegawai bertanggungjawab (PIC) di setiap PTJ membuat pemeriksaan atau penyelenggaraan ke atas jentera.

*Pastikan jentera berada dalam keadaan baik, berfungsi atau tidak rosak*

## PERMOHONAN KEPADA JKKP MALAYSIA (TERENGGANU)

Sekretariat JKKP UMT :

- 1) Membuat Permohonan Pemeriksaan Jentera (Ulangan) kepada JKKP Malaysia (Terengganu) melalui Sistem MYKKP
- 2) Menetapkan tarikh pemeriksaan bersama pihak JKKP Malaysia (Terengganu)

## MEMUAT TURUN SIJIL (CF)

Sekretariat JKKP UMT :

- 1) Menguruskan proses bayaran
- 2) Memuat turun sijil perakuan kelayakan jentera (CF) daripada Sistem MYKKP
- 3) Membuat edaran sijil (CF) kepada PIC di PTJ  
*(Bagi jentera yang lulus pemeriksaan pihak JKKP sahaja)*